

## PERTIMBANGAN DALAM PENGGUNAAN PENDEKATAN KAJIAN KAEDAH GABUNGAN (MIXED METHOD APPROACHES)

Abd Murad bin Salleh  
Marohaini binti Yusoff  
Mohd Mokhtar bin Mohamad Hassan  
(Universiti Malaya)

### **Abstrak**

Kertas kerja ini saya sediakan untuk berkongsi pengalaman tentang bagaimana seseorang pengkaji menggunakan pendekatan kajian gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif (mixed method approaches) dalam melaksanakan kajian yang berbentuk komprehensif. Kandungan kertas kerja ini meliputi pertimbangan dalam memilih kaedah yang sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang berbentuk perangkaan dan pemahaman menyeluruh tentang penggunaan buku teks (teks) Komponen Sastera (KOMSAS) dalam pengajaran Bahasa Melayu tingkatan 4. Dalam Bahagian A, saya akan menghuraikan pertimbangan yang diambil bagi memilih dan mengadun kaedah tinjauan bagi mendapatkan data berbentuk perangkaan untuk dijadikan data asas. Data asas ini akan digunakan sebagai garis panduan bagi merancang kajian kes secara kualitatif untuk mendapatkan data yang dijangka dapat memberikan pemahaman yang menyeluruh akan fenomena yang dikaji. Hal ini melibatkan penggubalan pernyataan masalah, tujuan/objektif dan soalan kajian serta kerangka teoritikal dan konseptual yang dapat merangkumi kedua-dua kaedah kajian yang dipilih. Reka bentuk kaedah gabungan 'Penjelasan Berikutan' yang diubah suai daripada model Creswell (2003) juga akan disentuh dalam kertas kerja ini. Selanjutnya, dalam Bahagian B saya akan menerangkan bagaimana kajian yang menggunakan gabungan dua kaedah ini dijalankan di lokasi kajian. Hal ini merangkumi pelaksanaan kajian tinjauan di 100 buah sekolah menengah di Selangor yang telah dijalankan antara hujung Januari hingga pertengahan Mac 2006. Saya juga akan menjelaskan bagaimana proses analisis dan menulis laporan awal dapatan kajian tinjauan bagi menyediakan data asas yang akan digunakan dalam kajian kes secara kualitatif. Hal ini melibatkan kerja pengemaskinian tujuan dan soalan kajian, pemilihan dan penentuan tempat dan peserta kajian serta tempoh bagi kajian kes. Akhir sekali, saya berharap kertas kerja yang disediakan ini dapat dimanfaatkan bersama oleh rakan-rakan pengkaji, khususnya yang merancang kajian melibatkan lebih daripada satu kaedah kajian.

### **Pendahuluan**

Ketika saya memikirkan kaedah yang sesuai digunakan bagi kajian penggunaan buku teks KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4, yang terlintas dalam fikiran saya hanya kaedah kajian kes secara kualitatif. Hal ini demikian kerana kajian ini melibatkan proses bagaimana amalan penggunaan buku teks tersebut oleh guru di dalam situasi kelas sebenar. Bagaimanapun, setelah berbincang dengan penyelia, saya disyorkan supaya mendapatkan data berbentuk perangkaan tentang penggunaan bahan tersebut terlebih dahulu. Data itu termasuklah data tentang kekerapan dan faktor penggunaan, manfaat

penggunaannya bagi guru dan pelajar, serta perbandingan penggunaannya dengan bahan lain dan antara sekolah bandar dan luar bandar. Data perangkaan ini akan dijadikan asas untuk kajian yang lebih mendalam. Ini bermakna, saya perlu menggunakan dua kaedah bagi melaksanakan kajian yang bersifat meluas dan sekaligus juga mendalam.

Oleh hal yang begitu, saya mula membaca buku-buku berkaitan kaedah dan reka bentuk penyelidikan dan mengikuti seminar-seminar penulisan kertas cadangan kajian yang dianjurkan sama ada di Universiti Malaya atau di luar, bagi mendapatkan pemahaman yang lebih tentang kaedah gabungan ini. Begitu juga dengan pemerhatian saya terhadap proses menyemak kertas cadangan yang dilalui oleh rakan sepengajian di Fakulti Pendidikan. Kemudian, melalui pembacaan yang intensif ke atas buku Creswell (2003) terutama yang menyentuh tentang reka bentuk kajian kaedah gabungan (mixed method), saya mendapat ilham untuk mereka bentuk kajian ini berdasarkan pendekatan kaedah gabungan tersebut. Dalam Bahagian A, saya akan memuatkan sebahagian pernyataan masalah, tujuan/objektif dan soalan kajian yang digubal bersesuaian dengan kaedah gabungan serta beberapa faktor yang dipertimbangkan dalam memilih dan menentukan kaedah kajian yang akan digabungkan ini.

#### Bahagian A: Pertimbangan dalam Pemilihan Pendekatan Kaedah Gabungan

Kajian ini merupakan penyelidikan terhadap penggunaan buku teks (teks) Komponen Sastera (KOMSAS) di bawah program Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan Malaysia, dalam pengajaran Bahasa Melayu (BM) tingkatan 4. Dalam kajian ini, dua bentuk kajian dijalankan, iaitu: (1) Kajian Kuantitatif (Tinjauan) terhadap penggunaan buku teks (teks) KOMSAS-SPBT dalam pengajaran BM tingkatan 4 dan (2) Kajian Kualitatif (Kajian Kes) yang akan melibatkan amalan dan bentuk penggunaan buku teks tersebut dalam pengajaran BM tingkatan 4 di dalam kelas yang sebenar di sebuah sekolah menengah di Selangor.

Pertimbangan pertama yang akan bentangkan ialah bagaimana saya menggubal pernyataan masalah, tujuan dan soalan kajian, pengenalan kerangka teori dan kerangka konseptual kajian yang merangkumi kedua-dua kaedah yang digabungkan ini.

#### Pernyataan Masalah

Buku teks memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Walaupun telah wujud pelbagai bahan bantu mengajar yang lebih moden dan canggih seperti penggunaan teknologi maklumat melalui komputer, telefon, radio, dan televisyen pada zaman millenium ini, peranan buku teks tidak dapat dikesampingkan (The Encyclopedia AMERICANA, 1994, Volume 26, hlm. 563). Tambahan pula, guru dan pelajar diwajibkan menggunakan buku teks SPBT sebagai sumber utama proses pengajaran dan pemelajaran di dalam kelas sebagaimana arahan Kementerian Pendidikan melalui Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1999 yang menyebut, "Buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia wajib digunakan di semua sekolah kerajaan."

Beberapa kajian yang dijalankan telah memperlihatkan kesan positif antara penggunaan buku teks dengan pencapaian akademik pelajar (Abd Majid Mohd Isa, Abd Rahman Md. Aroff, Aida Suraya Md Yunus, Mohd Ibrahim Nazri, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rusnani Abd Kadir & Zakaria Kasa, 1999; Abd Rahman Md. Aroff & Abd

Aziz Zakaria, 1989; Marohaini Yusoff, Shahrir Jamaluddin, Faredah Mahadi & Abd Murad Salleh, 2004, 2005; Zulkifli A. Manaf, Shahril @ Charil Marzuki & Shahrir Jamaluddin, 1995).

Namun begitu, kekerapan penggunaan buku teks dalam kalangan guru dekad ini didapati semakin merosot. Umpamanya, kajian Abdul Rahman Md. Aroff dan Abd Aziz Zakaria (1989) menyebutkan 53.6% guru menggunakan buku teks sepenuhnya. Peratus ini didapati telah menurun kepada 38.9% dalam kajian Zulkifli A. Manaf et al. (1995). Malahan kajian oleh Abd Majid Mohd Isa et al. (1999) merumuskan bahawa guru menganggap buku teks SPBT hanya sebagai sumber kedua pengajaran mereka.

Mengapakah fenomena di atas terjadi? Beberapa kajian telah menyimpulkan wujud kekurangan dalam buku teks SPBT khususnya buku teks BM. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Saedah Siraj (1990) ke atas buku teks BM sekolah rendah mendedahkan terdapat unsur deskriminasi terhadap jantina wanita yang digambarkan sebagai pekerja kelas dua sahaja. Selain itu, Jamilah Ahmad (1991) dalam kajiannya mendapati kandungan buku teks BM tingkatan 1 tidak dapat memenuhi keperluan pelajar berpencapaian tinggi. Keadaan yang sama juga dikesan dalam buku teks BM tingkatan 2 oleh penyelidik BBT, yang menyatakan buku tersebut amat jarang digunakan untuk tujuan membuat latihan dan kerja rumah.

Persoalannya, adakah fenomena yang tersebut di atas berlanjutan hingga kini? Sejauh manakah kekerapan guru menggunakan buku teks terutamanya (teks) KOMSAS SPBT dalam pengajaran BM di dalam kelas tingkatan 4? Apakah faktor yang mendorong guru menggunakan buku teks KOMSAS tersebut? Adakah buku teks (teks) KOMSAS dapat membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM di dalam kelas? Adakah terdapat hubungan penggunaan buku teks KOMSAS dengan prestasi penguasaan bahasa pelajar? Apakah penilaian guru terhadap penggunaan buku teks tersebut berbanding penggunaan bahan lain dalam pengajaran mereka? Adakah masih relevan atau sebaliknya? Bagaimanakah amalan penggunaan buku teks KOMSAS yang dipraktikkan oleh guru di dalam kelas BM tingkatan 4?

Oleh sebab belum ditemukan kajian yang komprehensif khususnya yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan terhadap penggunaan buku teks (teks) KOMSAS SPBT dalam pengajaran BM tingkatan 4, maka wajarlah satu kajian dijalankan bagi menyiasat persoalan-persoalan di atas. Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat membantu para penulis buku teks menghasilkan buku teks yang sesuai dan boleh digunakan sebaik-baiknya oleh guru dan pelajar sekolah, khususnya bagi pengajaran dan pembelajaran BM menggunakan buku teks KOMSAS tingkatan 4.

### Tujuan Kajian

Secara umum, kajian ini dijalankan dengan tujuan menyiasat dan mendapatkan maklumat tentang penggunaan buku teks (teks) KOMSAS SPBT oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran BM tingkatan 4. Kajian kuantitatif (Tinjauan) akan dijalankan dalam Peringkat I bagi mendapatkan data statistik penggunaan buku KOMSAS (pembolehubah bersandar) oleh guru (pembolehubah bebas) di 100 buah sekolah menengah seluruh negeri Selangor. Data tersebut akan disiasat secara mendalam dengan menggunakan kaedah kajian kes kualitatif dalam kajian Peringkat II yang akan melibatkan 4 orang guru

sebagai peserta kajian di sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Selangor. Tujuan penggunaan pendekatan kaedah kajian gabungan (mixed method) ini adalah untuk mendapatkan gambaran penggunaan buku teks (teks) KOMSAS oleh guru, secara meluas dan mendalam agar memberi manfaat yang lebih bermakna kepada audien.

### Objektif Kajian Kuantitatif

Secara khusus, bagi kajian kuantitatif (Tinjauan), objektif kajian ini adalah untuk:

- (1) Mengetahui sejauh mana kekerapan guru menggunakan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4.
- (2) Mengenal pasti faktor penggunaan buku teks (teks) KOMSAS oleh guru dalam pengajaran BM tingkatan 4.
- (3) Meneliti setakat mana penggunaan buku teks (teks) KOMSAS Bahasa Melayu tingkatan 4, dapat membantu proses pengajaran guru.
- (4) Melihat hubungan antara penggunaan buku teks (teks) KOMSAS BM tingkatan 4 dengan prestasi penguasaan BM pelajar.
- (5) Meneliti perbezaan antara penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dengan penggunaan bahan pengajaran lain dalam pengajaran BM tingkatan 4.
- (6) Melihat perbezaan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4 antara guru sekolah bandar dan luar bandar.

Untuk mencapai objektif kajian tersebut, satu kajian tinjauan akan dijalankan bagi menjawab soalan-soalan yang berikut:

### Soalan Kajian Kuantitatif

- (1) Sejauh manakah guru menggunakan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4?
- (2) Apakah faktor yang mendorong guru menggunakan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4?
- (3) Setakat manakah buku teks (teks) KOMSAS telah membantu guru dalam proses pengajaran BM tingkatan 4?
- (4) Adakah terdapat perhubungan antara penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4 dengan prestasi penguasaan BM pelajar?
- (5) Adakah terdapat perbezaan antara penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dengan penggunaan bahan-bahan pemelajaran lain dalam pengajaran BM tingkatan 4?
- (6) Adakah terdapat perbezaan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4 antara guru sekolah bandar dan luar bandar?

### Objektif Kajian Kualitatif

Selanjutnya, oleh sebab kaedah utama kajian ini adalah kajian kes secara kualitatif, maka objektif kajian ini telah digubal seperti yang berikut:

- (1) Menyelidiki amalan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4 di dalam kelas.

Justeru, kajian ini diharap dapat menjawab beberapa persoalan yang dirumuskan dalam bentuk soalan kajian seperti yang berikut:

#### Soalan Kajian Kualitatif

- (1) Bagaimanakah amalan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS oleh guru dalam pengajaran BM di dalam kelas tingkatan 4?
  - a) Bagaimanakah guru menggunakan buku teks (teks) KOMSAS bagi merancang pengajaran harian mereka?
  - b) Bagaimanakah guru menggunakan buku teks (teks) KOMSAS dalam membantu pengajaran BM/KOMSAS mereka di dalam kelas?
  - c) Bagaimanakah guru menggunakan buku teks (teks) KOMSAS bagi membantu pelajar meningkatkan prestasi penguasaan BM mereka?
  - d) Bagaimanakah guru menggunakan buku teks KOMSAS dalam menjalankan penilaian ke atas prestasi penguasaan BM pelajar?

#### Kerangka Teoritik Kajian

Dalam kajian ini, saya menggunakan gabungan teori pemelajaran, teori pemerolehan bahasa, model reka bentuk instruksi dan pendekatan kajian teks sastera yang berkaitan dengan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS. Teori pemelajaran yang dilibatkan ialah Teori Rangsangan – Gerak balas Kuantitatif (Spence, 1960) dan Teori Kognitif Piaget (Jean Piaget, 1963). Selain itu, Teori Pemerolehan Bahasa (Vygotsky, 1962) dan model reka bentuk instruksi, iaitu model Struktur Aktiviti Segmen Pelajaran yang diubah suai daripada model Robert B. Burn dan Lorin W. Anderson (1987) juga digunakan khususnya bagi kajian kes secara kualitatif. Sebagai pelengkap, dua pendekatan kajian teks sastera juga dijadikan sebagai garis panduan kajian, iaitu Pendekatan Strukturalisme (Brooks, Warren dan rakan-rakan, 1952) dan Pendekatan Mengalami-Menghayati oleh Goodman (1962). Kedua-dua pendekatan ini adalah bersumberkan teori kritikan sastera moden (Ishak Ramly, 1987; Noriah Bakar, 1986; Saedah Siraj, 1982).

#### Kerangka Konseptual Kajian

Saya juga menggunakan kerangka konseptual penggunaan buku teks SPBT berdasarkan kajian-kajian lalu berkaitan buku teks di Malaysia dan di luar Malaysia yang telah saya tinjau dan ulas bagi kajian ini. Secara umum, kajian-kajian yang telah dijalankan itu adalah berkaitan dengan kekerapan penggunaan buku teks dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan buku teks sama ada oleh guru atau pelajar atau kedua-duanya sekali (Abdullah Ishak, 1990; Marohaini Yusoff et al., 2004; Woodward, 1987; Zulkifli A. Manaf et al., 1995). Kerangka konseptual kajian ini meliputi aspek kekerapan penggunaan buku teks oleh guru, faktor-faktor penggunaannya, manfaatnya dalam pengajaran guru, hubungan penggunaannya dengan prestasi bahasa pelajar, dan skop penggunaannya, dan lokasi penggunaannya (untuk kajian kuantitatif), dan amalan serta bentuk penggunaannya (bagi kajian kualitatif).

## Perkaedahan Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian dan seterusnya menjawab soalan-soalan kajian yang telah digubal, kajian ini akan dijalankan dengan menggunakan pendekatan kaedah kajian gabungan (mixed method approaches) yang diperkenalkan oleh John W. Creswell (2003), iaitu secara kuantitatif (Kaedah Tinjauan) dan diikuti dengan kajian kualitatif (Kaedah Kajian Kes). Menurut Patton (1980) strategi menggabungkan metodologi tulen yang membentuk strategi kaedah gabungan ini, memerlukan pengasingan alat ukur, reka bentuk, dan komponen analisis dari sudut hipotetiko-deduktif dan holistik-induktif.


Oleh yang demikian kajian ini menggunakan reka bentuk Pendekatan Kaedah Kajian Gabungan *Penjelasan Berikutan* (Sequential Explanatory Design). Penerangan tentang kedua-dua kaedah kajian yang terbabit dalam kaedah gabungan ini dibuat secara satu persatu untuk memudahkan pemahaman pembaca. Penerangan ini meliputi rasional ketika saya membuat pemilihan tentang: pendekatan dan kaedah kajian; lokasi/konteks kajian; sampel/peserta kajian; tempoh kajian; tatacara kajian; teknik pengutipan data; teknik memproses dan menganalisis data; serta kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

### Mengapa Pendekatan Kaedah Kajian Gabungan Dipilih?

Untuk menjawab persoalan di atas, sila teliti huraian yang berikut. Pertama, kebanyakan kajian berkaitan buku teks yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia adalah dalam bentuk kuantitatif (Abd Rahman Aroff & Abd Aziz Zakaria, 1989; Ahmad Jusoh, 1998; Garinger, 2001; Jamilah Ahmad, 1991; Lockheed dan Komenan, 1989; Marohaini Yusoff et al., 2004). Sesetengah pengkaji pula hanya menggunakan pendekatan kajian kualitatif untuk melihat proses penggunaan buku teks misalnya kajian Goetz dan LeComte (1984); Maragatham, (2005); Prophet dan Rowell (1993); Siti Zaliha Ab. Rahman (2001). Saya mendapati hanya beberapa kajian sahaja yang menggunakan kaedah gabungan misalnya kajian yang dijalankan oleh Barr dan Sadow (1989); Fuller dan Snyder (1991); Roshani Abdullah (1992); dan Suraya Ahmad (2003).

Huraian di atas menunjukkan kajian yang menggunakan kaedah gabungan masih belum begitu popular sebagaimana kata Creswell (2003) "Less well known than either the quantitative or qualitative strategies are those that involve collecting and analyzing both form of data in a single study" (hlm. 15). Menurut beliau, konsep menggabungkan kaedah kajian yang berbeza ini dipelopori oleh Campbell dan Fiske pada tahun 1959 yang menggunakan kaedah pelbagai (multiple methods) untuk mengkaji kesahan ciri-ciri psikologikal. Berdasarkan perkembangan dan penerimaan baik kedua-dua pendekatan (kuantitatif dan kualitatif) dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan, kaedah gabungan kedua-dua pendekatan tersebut terutama untuk tujuan pengutipan data kini telah diperluas (Creswell, 2003: 208). Pada hemat pengkaji, lompong ini perlu diisi dan dipergunakan dengan sebaik mungkin dalam pelaksanaan kajian di Malaysia. Atas alasan inilah. saya telah memilih untuk menggunakan Pendekatan Kaedah Kajian Gabungan jenis *Penjelasan Berikutan* (Kaedah Tinjauan dan diikuti Kajian Kes Kualitatif) bagi melaksanakan kajian ini. Hal ini demikian kerana pendekatan ini mudah dikendalikan oleh pengkaji secara individu kerana kerja pengutipan dan penganalisan data dibuat secara satu persatu (berturutan) dan bukannya secara serentak.

Selaras dengan penggunaan pendekatan kaedah kajian gabungan tersebut, kajian ini akan melibatkan dua peringkat, iaitu (1) Peringkat Pertama (Januari 2006 – Mac 2006) dan (2) Peringkat Kedua (April 2006 – Disember, 2006). Untuk peringkat pertama kajian, data yang bersabit dengan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS BM-T4 akan dikutip dan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah tinjauan dengan satu set soal selidik untuk guru. Data akan dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Packej for Social Sciens* (SPSS 10.0 for Windows). Seterusnya, bagi peringkat yang kedua, iaitu bermula April 2006, data yang bersabit dengan penggunaan buku teks tersebut akan dikutip dan dikumpulkan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes dan dianalisis secara kualitatif yang melibatkan teknik perbandingan semerta (Constant Comparative) dan analisis kandungan. Tujuan utama pendekatan kajian ini adalah untuk menggunakan dapatan kajian kualitatif dalam membantu menjelaskan dan mentafsirkan secara lebih mendalam akan dapatan kajian kuantitatif yang dijalankan lebih awal (Creswell, 2003: 215). Secara mudah reka bentuk Pendekatan Kaedah Kajian Gabungan *Penjelasan Berikutan* yang beliau cadangkan dapat difahami melalui Rajah 1.



Rajah 1. Reka Bentuk Pendekatan Kaedah Kajian Gabungan 'Penjelasan Berikutan' oleh Creswell (2003).

## Bahagian B: Pelaksanaan Kajian Menggunakan Pendekatan Kajian Kaedah Gabungan

### Peringkat I: Pelaksanaan Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan adalah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data (maklumat) secara meluas daripada sampel yang besar bilangannya dengan menggunakan soal selidik bagi menerangkan beberapa aspek berkaitan populasi kajian yang diwakili oleh sampel yang dipilih secara rawak (Fraenkel, 1996; Gay, 1996; Syed Arabi Idid, 1992). Pada peringkat ini, saya telah mengutip data dengan menggunakan satu set soal selidik untuk guru sahaja tetapi meliputi lokasi seluruh negeri Selangor, iaitu sekolah-sekolah menengah yang dipilih mengikut daerah yang terdapat di Selangor, iaitu daerah Kuala Selangor, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang, Petaling, dan Gombak (lihat penerangan tentang pemilihan lokasi dan sampel kajian Tinjauan). Oleh sebab data daripada sampel yang mewakili seluruh negeri Selangor amat diperlukan bagi mendapatkan gambaran luas akan kekerapan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS, maka pemilihan kajian kuantitatif secara Tinjauan Semasa (Cross-Sectional Survey) difikirkan paling sesuai (Creswell, 2003; Fraenkel, 1996; Gay, 1996; Syed Arabi Idid, 1992).

Memandangkan kajian ini melibatkan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS BM-T4 di sekolah seluruh negeri Selangor, satu sampel negeri yang meliputi setiap daerah di negeri Selangor dan melibatkan kategori sekolah menengah sahaja telah dipilih sebagai tempat kajian. Pemilihan tempat kajian adalah berdasarkan satu senarai sekolah yang dibekalkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD). Kriteria utama dalam pemilihan tempat adalah berdasarkan lokasi sekolah menengah, iaitu bandar dan luar bandar. Sekurang-kurangnya 50 buah sekolah akan dipilih bagi setiap kategori tersebut yang meliputi jenis sekolah menengah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah menengah bantuan kerajaan dan sekolah menengah agama yang menerima bantuan buku teks di bawah skim SPBT.

Untuk tujuan pengutipan data kajian ini, sekurang-kurangnya empat orang guru bagi setiap sekolah yang sedang atau pernah mengajar mata pelajaran BM/KOMSAS tingkatan 4 telah dipilih secara rawak, iaitu secara penyampelan berkelompok (cluster sampling). Teknik penyampelan berkelompok ini digunakan bagi mengupayakan pelaksanaan kajian yang menjangkau populasi dalam lokasi yang luas. Teknik ini dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos sesuatu kajian kerana saya hanya menggunakan sampel dalam sesuatu kelompok (zon) yang dipilih mewakili daerah dan tidak perlu memilih sampel secara rawak individu (Fraenkel, 1996; Syed Arabi Idid, 1992).

#### Tatacara Pengumpulan Data Kajian Tinjauan

Kajian ini telah dilaksanakan selama tiga bulan, iaitu bermula pada hujung Januari 2006 dan berakhir pada 15 Mac 2006. Sebelum pengutipan data bermula, saya telah mendapatkan surat kebenaran daripada Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD); Jabatan Pelajaran Negeri; dan Pejabat Pelajaran Daerah. Pengutipan data bagi semua sampel telah saya lakukan sendiri, iaitu secara tadbiran bersemuka, melalui kerjasama pentadbir dan secara pos. Alternatif menggunakan kaedah pos ini dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan. Kaedah pos ini juga memberi ruang masa yang cukup kepada sampel untuk mengisi borang soal selidik kerana tidak dikutip terus sebagaimana kaedah bersemuka (Fraenkel, 1996; Syed Arabi Idid, 1992). Bagaimanapun, jumlah borang soal selidik yang dikembalikan melalui kaedah ini agak mendukacitakan. Hanya lebih kurang 60% sahaja sekolah yang mengembalikan borang yang telah diisi responden. Namun, setelah dicampur dengan borang soal selidik yang ditadbir secara bersemuka dan kerjasama pentadbir, saya dapat mengumpulkan sebanyak 377 borang yang telah lengkap diisi. Jumlah sampel yang ditentukan adalah sebanyak 400 orang. Ini bermakna sebanyak 94.6% responden telah dapat dikumpulkan dan dianalisis bagi mendapatkan data dalam bentuk perangkaan.

#### Tatacara Memproses dan Menganalisis Data Kajian Tinjauan

Selanjutnya, data asas yang diperoleh daripada kajian tinjauan tersebut telah dianalisis bagi menjawab soalan-soalan kuantitatif yang melibatkan peratus dan kekerapan serta korelasi dan komparatif penggunaan buku teks (teks) KOMSAS peringkat negeri Selangor. Data kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Packej for Social Sciens* (SPSS 10.0



for Windows). Dapatan analisis deskriptif dipersembahkan dengan menggunakan jadual kekerapan dan peratus. Selain itu, analisis perkaitan (korelasi) "Spearman's rho" juga telah dilakukan bagi melihat hubungan antara penggunaan buku teks dengan pencapaian prestasi penguasaan bahasa pelajar. Manakala analisis jadual silang (Crosstabs) digunakan bagi melihat perbandingan penggunaan buku teks dengan bahan pengajaran selain buku teks, dan perbezaan status sekolah dengan penggunaan buku teks, secara ujian khi ganda dua (Pearson chi-square).

### Sedutan Sebahagian Dapatan Kajian Tinjauan

Dalam ruang yang terhad ini, saya hanya memuatkan beberapa dapatan kajian hasil analisis data kuantitatif yang telah dijalankan pada pertengahan Mac 2006. Sebagai contoh, dapatan kajian menunjukkan respon bagi status (lokasi) sekolah adalah hampir sama, iaitu 50.1% (189) sekolah bandar dan 49.9% (188) sekolah luar bandar. Dari segi jantina pula, kajian mendapati daripada 377 responden yang menjawab soal selidik, hanya 17.2% (65) guru lelaki berbanding 82.8% (312) guru perempuan. Ini menunjukkan guru BM pada peringkat menengah atas didominasi oleh guru perempuan.

Selanjutnya, item penggunaan buku teks KOMSAS SPBT sebagai teks utama menunjukkan sejumlah 0.3% (1) responden didapati 'tidak pernah' menggunakan buku teks tersebut sebagai teks utama, manakala 6.4% (24) mengatakan 'kadang-kadang'. Sebaliknya, 32.6% (123) responden mengakui telah menggunakan buku teks secara 'kerap' dan 60.7% (229) 'sangat kerap' menggunakan buku teks KOMSAS sebagai teks utama dalam pengajaran mereka di kelas. Dapatan ini memberi makna kekerapan penggunaan buku teks KOMSAS sebagai teks utama oleh guru adalah tinggi. Sila lihat Jadual 1.

#### Jadual 1

#### *Kekerapan Penggunaan Buku Teks KOMSAS SPBT sebagai Teks Utama*

Respon	Kekerapan	Peratus
Tidak pernah	1	0.3
Kadang-kadang	24	6.4
Kerap	123	32.6
Sangat kerap	229	60.7

n = 377

Manakala kekerapan penggunaan buku teks KOMSAS SPBT sebagai rujukan utama pula menunjukkan 0.5% (2) responden 'tidak pernah' menggunakannya dan 7.4% (28) menggunakannya secara 'kadang-kadang'. Sebaliknya, 36.9% (139) responden 'kerap' menggunakan buku teks sebagai rujukan utama dan sebanyak 55.2% (208) telah menggunakannya secara 'sangat kerap'. Ini bermakna kekerapan penggunaan buku teks KOMSAS sebagai bahan rujukan utama juga tinggi. Rujuklah Jadual 2 di bawah.

Jadual 2  
*Kekerapan Penggunaan Buku Teks KOMSAS  
 SPBT sebagai Rujukan Utama*

Respon	Kekerapan	Peratus
Tidak pernah	2	0.5
Kadang-kadang	28	7.4
Kerap	139	36.9
Sangat kerap	208	55.2

n = 377

Selanjutnya, item penggunaan buku teks KOMSAS SPBT kerana arahan Kementerian Pendidikan, menunjukkan 3.7% (14) responden 'tidak setuju'. Manakala 10.1% (38) 'kurang setuju' dengan faktor tersebut. Sebaliknya, 41.9% (158) responden mengatakan 'setuju' dan 44.3% (167) responden 'sangat setuju' bahawa mereka menggunakan buku teks kerana mematuhi arahan kementerian. Perangkaan ini memberi makna bahawa guru peka terhadap arahan Kementerian Pendidikan yang mewajibkan penggunaan buku teks SPBT dalam pengajaran mereka. Lihatlah paparan pada Jadual 3

Jadual 3  
*Penggunaan Buku Teks KOMSAS SPBT kerana  
 Mematuhi Arahan Kementerian Pendidikan*

Respon	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	14	3.7
Kurang setuju	38	10.1
Setuju	158	41.9
Sangat setuju	167	44.3

n = 377

Seterusnya, data menunjukkan sebanyak 1.6% (6) responden 'tidak setuju' mereka menggunakan buku teks KOMSAS SPBT kerana yakin dengan kualitinya. Sebanyak 6.6% (25) pula mengatakan 'kurang setuju' dengan faktor tersebut. Bagaimanapun, didapati 56.8% (214) responden 'setuju' penggunaan buku teks adalah kerana mereka yakin akan kualitinya. Selebihnya, iaitu 35.0% (132) responden mengatakan 'sangat setuju' bahawa kualiti buku teks tersebut telah mendorong mereka menggunakannya di dalam pengajaran. Hasil analisis ini menunjukkan buku teks KOMSAS SPBT adalah bermutu dan dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM secara maksimum. Lihat Jadual 4 yang berikut.

Jadual 4  
*Penggunaan Buku Teks KOMSAS SPBT kerana Yakin dengan Kualitinya*

Respon	Kekerapan	Peratus
Tidak setuju	6	1.6
Kurang setuju	25	6.6
Setuju	214	56.8
Sangat setuju	132	35.0

n = 377

Item penggunaan buku teks KOMSAS SPBT bagi membantu meningkatkan prestasi penguasaan kemahiran membaca pelajar pula telah memaparkan tidak ada responden mengatakan 'tiada'. Manakala 15.9 (60) mengatakan 'sedikit'. Sebaliknya, sebanyak 66.0% (249) responden mengatakan buku teks KOMSAS 'banyak' membantu prestasi membaca pelajar, diikuti dengan 18.0% (68) responden mengakui buku tersebut 'sangat banyak' membantu pelajar dalam kemahiran tersebut. Ini menggambarkan kandungan buku teks KOMSAS adalah sesuai digunakan oleh guru bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran membaca dalam BM mereka. Untuk lebih mudah sila lihat Jadual 5.

Jadual 5  
*Penggunaan Buku Teks KOMSAS SPBT bagi Meningkatkan Kemahiran Membaca Pelajar*

Respon	Kekerapan	Peratus
Sedikit	60	15.9
Banyak	249	66.0
Sangat Banyak	68	18.0

n = 377

Dapatan bagi item penggunaan buku teks KOMSAS SPBT bagi membantu meningkatkan prestasi penguasaan kemahiran menulis pelajar pula menunjukkan hanya 0.5% (2) responden mengatakan 'tiada'. Manakala 34.5% (130) mengatakan 'sedikit'. Sebahagian besar, iaitu 55.2% (208) responden mengatakan buku teks KOMSAS 'banyak' membantu prestasi menulis pelajar diikuti dengan 9.8% (37) responden mengakui buku tersebut 'sangat banyak' membantu meningkatkan penguasaan kemahiran tersebut. Ini bermakna, bahan-bahan dalam buku KOMSAS boleh digunakan oleh guru dalam latihan penulisan bagi meningkatkan kemahiran menulis pelajar. Untuk lebih jelas, perhatikan Jadual 6.

Jadual 6

*Penggunaan Buku Teks KOMSAS SPBT bagi Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar*

Respon	Kekerapan	Peratus
Tiada	2	0.5
Sedikit	130	34.5
Banyak	208	55.2
Sangat Banyak	37	9.8
n = 377		

Dapatan yang seterusnya ialah pendapat tentang skop penggunaan bahan lain dalam pengajaran selain daripada buku teks KOMSAS SPBT dalam pengajaran BM tingkatan 4. Respon yang ditentukan adalah dalam bentuk jawapan 'guna' atau 'tidak'. Hasil analisis menunjukkan responden memilih buku kerja sebagai bahan lain yang paling sering digunakan selain buku teks KOMSAS SPBT dengan catatan respon 'guna' sebanyak 92.3% (348). Tempat kedua ialah buku ulang kaji yang mencatat 84.1% (317). Tempat ketiga pula ialah nota ringkas, 80.4% (303). Kedudukan seterusnya ialah: contoh jawapan, 76.9% (290); lembaran kerja, 65.5% (247); keratan akhbar, 63.7% (240); buku panduan guru, 61.8% (233); majalah, 43.8% (165); buku teks lain, 29.4% (111); program tv pendidikan, 10.6% (40); dan program radio pendidikan, 2.4% (9). Secara mudah, dapatan ini menunjukkan guru juga masih menggunakan bahan lain bagi pengajaran BM/KOMSAS selain bergantung pada buku teksnya.

Akhir sekali, analisis korelasi "Spearman's rho" menunjukkan terdapat hubungan antara penggunaan buku teks KOMSAS dengan prestasi penguasaan BM pelajar yang positif tetapi sederhana, iaitu pada nilai 0.438. Ini bermakna semakin kerap guru menggunakan buku teks KOMSAS SPBT dalam pengajaran BM tingkatan 4, semakin meningkatlah prestasi penguasaan BM pelajar, walaupun secara sederhana. Keputusan tersebut juga menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara pembolehubah penggunaan buku teks KOMSAS SPBT dengan pembolehubah peningkatan prestasi penguasaan BM pelajar daripada perspektif guru, dengan nilai signifikannya 0.000, iaitu lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan, iaitu  $0.01/2 = 0.005$  pada ujian korelasi dua arah. Sila lihat Jadual 7 untuk rumusan secara lebih mudah.

Jadual 7

*Hubungan antara Penggunaan Buku Teks KOMSAS SPBT dengan Prestasi Penguasaan BM Pelajar*

	Prestasi penguasaan BM pelajar
Penggunaan buku teks KOMSAS	(0.438**)
Nilai signifikan	(0.000)

\*\* Signifikan pada aras  $0.01/2 = 0.005$  (2 arah)

## Peringkat II: Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif

Oleh sebab data asas kajian tinjauan hanya memaparkan aspek perangkaan, maka satu kajian yang mendalam pemahaman tentang penggunaan buku teks (teks) KOMSAS oleh guru dalam pengajaran sebenar (realistik) di dalam kelas BM juga diperlukan. Ciri realistik ini boleh diselidik secara empirikal, iaitu dengan menggunakan pendekatan kajian kes secara kualitatif (Bogdan & Biklen, 1992; Creswell, 2003; Marohaini Yusoff, 1996; Merriam, 2001*a*; Syed Arabi Idid, 1992). Pendekatan kualitatif ini diharap dapat menjawab soalan-soalan bercorak kualitatif yang melibatkan apakah amalan penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam kalangan guru, mengapa mereka mengamalkannya dan bagaimana pola penggunaan buku tersebut bagi pengajaran kemahiran-kemahiran BM selain KOMSAS. Berdasarkan data asas kajian tinjauan tersebut, saya telah memulakan kajian kes secara kualitatif sebagai penerangan (explanatory strategy) terhadap fenomena penggunaan buku teks (teks) tersebut kerana menurut Morse, 1991 (dalam Creswell, 2003: 215) pendekatan begini sangat berguna apabila berlaku sesuatu yang diluar jangkaan dalam dapatan kajian Tinjauan misalnya jangkaan kekerapan penggunaan buku teks yang tinggi tidak berlaku dalam dapatan kajian walaupun guru wajib menggunakan sesebuah buku teks.

Rasional kajian Peringkat II ini dijalankan secara kajian kes adalah untuk membolehkan pengkaji meneliti dan menyiasat secara mendalam (Fraenkel, 1996; Gay, 1996; Merriam, 2001*a*; Syed Arabi Idid, 1992; Yin, 1989) tentang penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM di dalam kelas tingkatan 4. Hal ini disebabkan kajian hanya melibatkan satu tempat kajian dan bilangan peserta yang kecil, iaitu empat orang guru. Dengan yang demikian, saya dapat membuat kajian secara intensif terhadap pengajaran guru dengan menggunakan teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen untuk mendapatkan data dan maklumat yang mendalam bagi menjawab soalan kajian ini.

Seterusnya, dalam konteks kajian ini, alat kajian utama adalah saya (diri pengkaji) sendiri. Hal ini membolehkan saya mengetahui maklumat tentang keseluruhan pengajaran guru secara langsung. Sebagai alat utama kajian, manusia berkemampuan memerhati dan memahami sesuatu tingkah laku manusia lain dengan lebih mendalam, di samping dapat bertindak balas terhadap sesuatu situasi dengan cara mengoptimumkan peluang pengutipan data yang ada dan seterusnya menghasilkan maklumat yang bermakna (Ab. Rahim Md. Yasin, 1998; Abd Murad Salleh, 2002; Faredah Mahadi, 1998; Marohaini Yusoff, 1996). Selaras dengan itu, saya mengutamakan persefahaman yang dibina dengan peserta kajian pada peringkat awal memasuki tempat kajian. Umpamanya, dengan mendapatkan persetujuan guru (informed consent) untuk menjadi peserta kajian, memberitahu bila pengkaji akan membuat pemerhatian, meminta izin membuat salinan dokumen dan membuat rundingan tentang masa dan tempat yang sesuai untuk sesuatu sesi temu bual. Dengan yang demikian, saya sentiasa peka dan prihatin terhadap peristiwa dan sebarang kemungkinan yang berlaku sepanjang tempoh kajian.

Seterusnya, penentuan dan pemilihan tempat dan peserta kajian telah dilaksanakan dengan berdasarkan beberapa kriteria. Kriteria pertama yang ialah tujuan kajian itu sendiri. Oleh sebab kajian ini bertujuan melihat dan meneliti proses penggunaan buku teks (teks) KOMSAS dalam pengajaran BM tingkatan 4, maka pemilihan tempat kajian dilakukan di beberapa sekolah menengah sahaja. Justeru,

pengkaji akan meninjau beberapa sekolah menengah di daerah Kuala Selangor untuk dijadikan tempat kajian.

Kriteria kedua ialah batasan kajian. Bagi mengupayakan kajian, pengkaji telah membataskan tempat kajian iaitu di sebuah sekolah menengah dalam daerah Kuala Selangor. Sekolah yang dipilih terletak tidak begitu jauh daripada tempat tinggal saya. Menurut Faredah Mahadi (1998: 36) bagi menjamin kejayaan sesuatu kajian, tempat yang dipilih itu seelok-eloknya lebih mudah didekati bagi menjimatkan masa. Faktor ini membolehkan saya membuat lawatan ke sekolah dengan lebih kerap untuk tujuan pemerhatian dan temu bual.

Manakala peluang pemilihan kelas sebagai konteks kajian dijadikan kriteria ketiga. Saya mendapati sekolah tersebut mempunyai kelas-kelas tingkatan empat daripada pelbagai aliran (sains, perakaunan, pertanian, sastera dan perdagangan). Faktor ini membolehkan saya membuat pemilihan kelas yang sesuai sebagai konteks kajian ini dengan lebih teliti bagi mendapatkan data yang mantap. Sebuah kelas sains, sebuah kelas pertanian dan dua buah kelas sastera yang mengandungi pelajar daripada kaum bumiputera dan bukan bumiputera telah dipilih sebagai konteks kajian ini. Pemilihan begini diharap membolehkan saya mendapatkan maklumat kajian dengan lebih realistik misalnya bagaimanakah amalan guru ketika menggunakan buku teks tersebut untuk menarik perhatian pelajar bukan bumiputera terhadap pembelajaran BM khususnya KOMSAS.

Dengan berdasarkan tiga kriteria di atas, saya telah membuat lawatan ke beberapa buah sekolah menengah di daerah Kuala Selangor untuk dipilih sebagai tempat kajian. Bagaimanapun, di beberapa buah sekolah yang ditinjau, rata-rata guru BM dalam bilangan tiga hingga empat orang dan bilangan kelas hanya empat atau lima sahaja. Sebahagiannya pula adalah rakan atau kenalan pengkaji. Berbanding di SMK Pantai atau SMK P (nama samaran) bilangan kelas tingkatan 4 mencecah 12 kelas dan diajar oleh sembilan orang guru BM. Dengan berpegang pada nasihat penyelia projek supaya kajian tidak melibatkan orang yang telah dikenali, bilangan guru dan kelas yang besar serta pelbagai, saya merasakan tempat kajian yang dipilih itu adalah tepat dan sesuai bagi kajian ini. Seterusnya, akan diuraikan kriteria pemilihan peserta kajian pula.

Dalam penentuan peserta kajian pula, pemilihan adalah dengan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) seperti mana dalam kajian kualitatif yang telah pengkaji rujuk sebelum ini (Ab. Rahim Md Yasin, 1998; Faredah Mahadi, 1998; Maragathan, 2005; Marohaini Yusoff, 1996; Norrizan Razali, 1992). Untuk kajian ini, saya hanya menentukan empat orang peserta kajian, iaitu dalam kalangan guru yang mengajar BM di dalam kelas tingkatan empat bagi membolehkan pengkaji menjalankan kajian dengan mendalam. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan Gay (1996) bahawa, "The qualitative reseacher carefully select a small...sampel...often involved in a very close relationship with study participants...because it is believed to be a rich source of the data interest" (hlm. 241).

Berdasarkan saranan di atas, pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kriteria yang berikut: (a) pengalaman mengajar BM sekurang-kurangnya dua tahun. (b) telah mendapat pendedahan tentang pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran BM.

Selain itu, pelajar-pelajar dalam kelas guru yang dipilih juga dilibatkan dalam kajian ini. Saya memilih pengajaran guru dalam kelas tingkatan 4 sahaja kerana mereka tidak menghadapi masalah tekanan peperiksaan SPM dalam tahun kajian. Selain itu,

pelajar tingkatan 4 telah mengikuti pembelajaran KOMSAS selama tiga tahun (tingkatan 1 hingga 3) dan dijangka telah memahami tujuan dan matlamat program tersebut. Tambahan pula, saya berpengalaman mengajar KOMSAS kepada pelajar tingkatan empat dan memahami sedikit sebanyak situasi pembelajarannya. Dengan itu, faktor ini diharap membantu saya untuk mendapatkan maklumat yang lebih natural, realistik dan telus.

Selain penentuan dan pemilihan tempat dan peserta kajian, saya juga telah menentukan tempoh yang dijangkakan sesuai bagi melaksanakan kajian ini. Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan dalam tempoh lapan bulan (30 minggu) kerana kajian ini adalah merupakan tesis sepenuhnya bagi pengkaji sebagai memenuhi syarat untuk ijazah doktor falsafah dalam bidang pengajian Bahasa Melayu. Kajian ini telah dimulakan pada 20 Mac 2006 dan dijangka berakhir pada pertengahan bulan Oktober 2006. Tempoh kajian ini juga tertakluk kepada tempoh berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran persekolahan bagi sesi 2006, iaitu antara April hingga Oktober 2006.

Dalam tiga minggu yang pertama, saya berkenalan dengan warga sekolah daripada peringkat pentadbir, ketua Panitia BM, guru-guru dan para pelajar untuk membina hubungan kerja yang baik (*rapport*). Saya juga membuat pemerhatian tidak berstruktur dan berbincang dengan pengetua, penolong kanan, guru kanan mata pelajaran bahasa, ketua panitia dan guru-guru BM untuk mendapatkan gambaran perjalanan aktiviti harian sekolah. Ketika ini juga, saya mengenal pasti dan memilih empat orang guru yang mengajar BM tingkatan empat (melalui temu bual dan biodata guru BM), serta kelas yang diajar sebagai konteks untuk pelaksanaan kajian ini. Saya perlu menyediakan surat perjanjian 'persetujuan berpengetahuan' (*informed consent*) untuk ditandatangani oleh guru-guru yang bersetuju menjadi peserta kajian ini. Satu sesi penjelasan berkenaan tujuan kajian dan manfaatnya akan diadakan sebelum guru-guru menandatangani surat perjanjian 'persetujuan berpengetahuan' tersebut untuk mengelakkan rasa curiga dan tidak selesa pada diri mereka sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Seterusnya pada peringkat pengumpulan data, saya sebagai alat kajian utama telah menggunakan ketiga-tiga teknik pengutipan data, iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis bukti dokumen (Creswell, 2003; Fraenkel, 1996; Gay, 1996; Marohaini Yusoff, 2001*b*; Merriam, 2001*a*; Syed Arabi Idid, 1992). Melalui penggunaan teknik yang pelbagai ini, saya dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih meyakinkan dan tepat (Yin, 1989). Pengkaji juga membuat catatan refleksi dalam jurnal dan memo yang berkaitan dengan aspek metodologi kajian kes kualitatif. Hal ini dapat membantu saya dalam memastikan hala tuju kajian tidak menyimpang jauh daripada tujuan dan soalan kajian. Sebagai tambahan, alat perakam audio dan video serta kamera juga akan digunakan untuk membantu saya merakamkan kerja pengutipan data melalui pemerhatian, temu bual, dan bukti dokumen. Penggunaan alat elektronik tersebut amat penting bagi memastikan data yang dikutip tidak keciciran terutama melalui temu bual formal dan pemerhatian di dalam kelas.

Bagi proses analisis data kualitatif, Creswell (2003) menyatakan bahawa proses ini merupakan hasil yang berterusan yang bermula sebaik sahaja pengkaji memasuki lapangan kajian. Justeru, bagi kajian ini, data yang dikumpulkan akan diproses dan dianalisis secara deskriptif dalam dua peringkat iaitu semasa pengutipan data dan selepas pengutipan data (Merriam, 2001*a*). Dua kaedah utama akan digunakan dalam proses analisis data kualitatif ini, iaitu: (1) Perbandingan Semerta (*Constant Comparative*) dan (2) Analisis Kandungan (*Content Analysis*). Manakala teknik rumusan, kodifikasi,

pengkategorian, tematik, gundalan, dan jadual matriks akan digunakan untuk memperinci data yang dianalisis ke dalam tajuk-tajuk khas untuk tujuan pelaporan kajian kes secara kualitatif.

Penganalisan data semasa pengutipan data berjalan, bertujuan membantu saya agar tidak tenggelam dalam himpunan data pada akhir kajian nanti. Analisis awal ini menurut Miles dan Huberman (1994), "It helps the field-worker cycle back and forth between thinking about the existing data and generating strategies for collecting new, often better, data" (hlm. 50). Saya perlu membaca catatan lapangan, transkripsi temu bual dan bukti dokumen yang berkaitan untuk memandu kerja lapangan selanjutnya. Di samping itu, kodifikasi juga perlu dimulakan bagi mengecamkan pola tema yang berkaitan dengan tujuan dan soalan kajian.

Pada peringkat ini, saya menulis semula catatan lapangan pemerhatian di dalam kelas ke dalam bentuk catatan lapangan lengkap. Kemudian data-data ini akan diringkaskan dan ditulis dalam borang ringkasan catatan lapangan. Bagi temu bual pula, semua rakaman akan diterbitkan dalam tulisan berbentuk transkripsi (dialog) dan kemudian diringkaskan ke dalam borang ringkasan temu bual. Manakala dokumen pula, diteliti lalu ditulis secara ringkas ke dalam borang ringkasan dokumen.

Proses membuat ringkasan bagi ketiga-tiga jenis data di atas memerlukan pembacaan berulang kali. Dalam masa yang sama saya juga membuat catatan kodifikasi dan kategorikal/tematik bagi setiap maklumat yang berkaitan soalan kajian ini. Bagi tujuan itu, perkataan dan frasa-frasa penting dituliskan sebagai kod di ruang analisis sebelah kanan dan sebagai kategorikal/tema pada ruang sebelah kiri borang catatan lapangan lengkap. Hal ini bagi memastikan data-data yang relevan dengan kajian sahaja yang diringkaskan. Namun begitu, saya juga merangka kod dan kategori yang muncul di lapangan tetapi berlainan daripada kod dan kategori yang berdasarkan kerangka teoritikal dan konseptual kajian.

Ketika ini saya masih meneruskan pengutipan data di lapangan di samping kerja menaip dan menganalisis data bagi peringkat analisis awal. Bagaimanapun, sebahagian pola penggunaan buku teks KOMSAS SPBT oleh guru dalam pengajaran KOMSAS/BM telah mula muncul sama ada yang mengikut landasan teoritikal mahupun yang muncul di lapangan kajian (grounded).

## Penutup

Sebagai kesimpulan, melalui pengalaman menjalankan kajian menggunakan kaedah gabungan ini, saya mendapat satu kepuasan bekerja di lapangan kajian. Keletihan memang dirasai terutama bagi kerja pengutipan data Peringkat II yang melibatkan kerja menaip dan menganalisis data daripada rakaman pemerhatian dan temu bual. Bagaimanapun, saya berasa lebih yakin bahawa data yang dikutip dapat membantu saya menjawab soalan kajian kuantitatif dan selanjutnya menjadi asas bagi kajian kes secara kualitatif. Saya juga yakin akan dapat menerangkan fenomena kajian ini dengan meluas dan mendalam. Keyakinan ini adalah disebabkan kajian ini telah direka bentuk secara komprehensif menggunakan pendekatan kajian kaedah gabungan 'Penjelasan Berikutan' yang diubah suai daripada model Crewell (2003).